

Malaysia kutuk pengeboman maut tiga hotel di Jordan

PUTRAJAYA 10 Nov - Malaysia mengutuk pengeboman yang meragut nyawa di tiga hotel Jordan semalam, dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau amat terkejut dengan apa yang beliau sifatkan sebagai perbuatan jenayah yang tidak mempunyai kewajaran langsung."

"Kerajaan dan rakyat Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan keganasan pengecut dan penuh dosa itu dan melahirkan simpati mendalam terhadap keluarga mangsa-mangsa yang tidak bersalah." katanya.

Abdullah berkata demikian dalam kenyataan kepada *Bernama* dari Maseru, ibu negara Lesotho di mana beliau sedang menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan 2005.

Perdana Menteri berkata perbuatan durjana ini khususnya dikutuk kerana telah menyebabkan terkorbannya berdozen nyawa dan mencederakan beratus-ratus mereka

yang tidak bersalah.

"Serangan di Amman nampaknya menunjukkan tanda-tanda perbuatan pegganas," katanya mengenai pengeboman itu yang dilapor mengorbankan sekurang-kurangnya 59 orang dan mencederakan 150 yang lain.

Letupan itu berlaku berturut-turut di hotel-hotel Radisson, Grand Hyatt dan Days Inn yang terletak dalam jarak beberapa ratus meter saja antara satu sama lain.

Abdullah mengambil kesempatan melahirkan semangat perpaduan kerajaan dan rakyat Malaysia dengan kerajaan dan rakyat Jordan pada waktu penuh dugaan ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan Malaysia akan terus memberikan sokongan penuh kepada usaha antarabangsa dalam perang menentang keganasan.

"Kedurjanaan menentang kemanusiaan ini mesti dihapuskan," tegas beliau. - *Bernama*



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama rakan sejawatannya dari Lesotho, Pakalltha Mosisili (kiri) dan Tun Dr. Mahathir Mohamad meninjau sekitar 'Khotla', tempat berlangsungnya Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 200S) dan Dialog Maseru Global 2005 di Maseru. Lesotho, semalam.